

07/05/1997

Djibouti undang PM hadiri sidang meja bulat

KUALA LUMPUR, Selasa - Presiden Djibouti, Hassan Gouled Aptidon, mengundang Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghadiri sidang meja bulat di negaranya pada 29 dan 30 Mei ini.

Jemputan itu disampaikan Menteri Luar Djibouti, Mohamed Moussa Chechem ketika mengunjungi Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di pejabatnya di sini, hari ini.

Setiausaha Bahagian Asia Tenggara dan Pasifik Kementerian Luar, Mohd Arshad Hussein, berkata sidang itu bermatlamat menarik negara asing melaksanakan program bantuan kepada Djibouti bagi menggerakkan pelaksanaan pembangunan di negara itu.

"Menerusi surat yang dikemukakan Menteri Luar Djibouti itu, Hassan berharap Malaysia dapat mengajak beberapa negara Asean lain untuk menyertai sidang itu bagi membantu Djibouti.

"Timbalan Perdana Menteri menjelaskan kemungkinan Malaysia menghantar delegasi ke persidangan itu," katanya selepas pertemuan itu.

Dalam pertemuan itu juga, Mohamed Moussa menyampaikan hasrat kerajaannya mendapatkan bantuan kewangan daripada Bank Pembangunan Islam (IDB) untuk membeli kemudahan prasarana di negara itu.

Djibouti meminta Malaysia yang menganggotai lembaga IDB membantu negaranya mendapatkan pinjaman bank berkenaan bagi membeli generator.

Djibouti mempelawa pelabur Malaysia meneroka peluang pelaburan di negara itu khususnya dalam pembangunan prasarana seperti pelabuhan, telekomunikasi dan lapangan terbang.

Beliau mencadangkan usahawan Malaysia menjadikan Djibouti sebagai pintu masuk eskport ke Afrika.

"Djibouti yang akan menjadi Kawasan Perdagangan Bebas mempunyai pengalaman melaksanakan perdagangan entreport," katanya.

Nilai Perdagangan antara Malaysia dan Djibouti pada 1995 berjumlah RM11.78 juta dengan eksport negara RM11.7 juta.

Mohamed Moussa tiba dari Jakarta Sabtu lalu untuk lawatan empat hari ke Malaysia.

(END)